

**Rosmah Hadir Majlis Tazkirah, Solat Sunat Tasbih
Bernama
10 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 10 Ogos (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor Jumaat menghadiri majlis tazkirah serta menunaikan solat sunat Tasbih yang diadakan di Seri Perdana, di sini.

Majlis yang diadakan sempena menghayati bulan Ramadan itu turut dihadiri isteri Timbalan Perdana Menteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Tazkirah bertajuk 'Kelebihan Lailatulqadar' dan 'Taubat Nasuha' disampaikan oleh penceramah terkenal, Datuk Dr Fatma El-Zahra.

Turut hadir 200 tetamu lain terdiri anggota Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita), Persatuan Keluarga Polis (Perkep) dan Badan Amal dan Kebajikan Angkatan Tentera (Bakat).

Dalam ucapan ringkasnya, Rosmah berharap semua umat Islam dapat meraikan Aidilfitri dengan penuh tawaduk dan bersyukur atas keamanan yang dinikmati selama ini.

"Kita juga perlu bersyukur dengan rahmat yang diberi itu membolehkan hari raya dapat disambut dalam suasana gembira dan dengan rezeki yang banyak," katanya, dan berdoa semoga keamanan yang dinikmati selama ini akan terus berkekalan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687193>